

# MPPUMS 2010/2011 'caretaker' di UMS

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 31-05-2012 Az

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS) sesi 2010/2011 dilantik sebagai 'caretaker' atau penjaga sementara pelantikan baru dibuat.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata pelantikan MPPUMS 2010/2011 sebagai penjaga bagi organisasi pelajar itu bermula pada April lepas sehingga sesi akan datang dilantik.

Katanya, pelantikan MPP sebagai penjaga ini dibuat memandangkan sesi MPP sesi 2010/2011 sepatutnya berakhir pada April lalu.

Menurutnya, MPP ini hanya menjalankan tugas MPP secara ekslusif sahaja, berbeza dari MPP yang secara sah menjalankan tugas-tugas dan peranan sebagai ahli MPP sepenuh masa.

"MPP pada sesi 2010/2011 memkul tugas dan peranan dalam tempoh yang panjang, berbanding sesi-sesi yang sebelum ini."

"Kerana itu, pihak universiti amat menghargai jasa dan sumbangan mereka kepada universiti," katanya dalam satu majlis bersama MPP, baru-baru ini.

Sementara itu, perubahan tarikh pemilihan MPP untuk sesi baharu ekoran perubahan



**BARISAN Ahli MPP sesi 2010/2011 yang dilantik menjadi 'caretaker' MPP di UMS.**

takwim bagi semua universiti awam Malaysia.

Semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah bersetuju untuk membuat pemilihan berdasarkan takwim bagi semester baharu yang ditetapkan.

Dalam pada itu, Presiden MPPUMS 2010/2011, Khalil Sabu menyambut baik pelantikan terbabit.

"Walaupun kami hanya berfungsi sebagai 'caretaker', tetapi kami akan menguruskan beberapa program besar universiti seperti Minggu Suai Mesra (MSM) dan Tamu Gadang sempena

Konvokesyen ke-14 UMS dan beberapa lagi program lain," katanya.

Khalil berkata, hampir semua ahli MPP bakal menjalani latihan industri dan latihan mengajar selain perlu menyiapkan tesis mereka sepanjang April hingga pelantikan MPP baharu memandangkan majoriti ahli adalah pelajar tahun akhir.

"Bagaimanapun, kami tetap akan menjalankan tugas dan tanggungjawab kami sebaiknya," katanya sebagai maklum balas kepada pelantikan itu.

Tambahnya, walaupun

hanya sebagai 'caretaker', namun MPP yang diterajuinya akan terus memberi perhatian kepada permasalahan dan isu yang dihadapi oleh mahasiswa universiti itu.

Beliau turut berharap para sekretariat akan terus membantu MPP bagi melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaiknya.

Pada masa yang sama, Khalil meminta Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Kediaman (Jakmas), Persatuan Mahasiswa Sekolah serta persatuan lain membantu secara langsung dalam mendedahkan permasalahan

yang dihadapi pelajar.

Mengenai pilihanraya kampus, kata Khalil, UMS mempunyai budaya pilihanraya yang unik dan berbeza berbanding kampus lain.

"Di UMS, kita masih mengekalkan keharmonian dan keamanan kampus. Kita menolak budaya ekstrim yang ganas seperti demonstrasi dan seumpamanya."

"Apsirasi Mahasiswa adalah gerakan mahasiswa yang sihat dan tulen, dan bertunjangkan kepada kematangan sebagai seorang mahasiswa," katanya.